

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]
TARIKH : SELASA, 17 JUN 2014
RUJUKAN : L13 [PR-1322-L63235]
SOALAN :

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk membenarkan Labuan menjadi kontinjen sendiri untuk SUKMA yang akan datang di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak bersetuju untuk Labuan menjadi satu kontijen kerana Labuan berada dalam satu Wilayah Persekutuan termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.